

Doktor langgar kod etika boleh digantung

13 14 14 103109 M/S 16

KUALA LUMPUR: Pengamal perubatan yang menyalahgunakan kuasa mengeluarkan sijil cuti sakit tanpa kewajaran akan dikenakan tindakan, termasuk digantung Sijil Amalan Tahunan masing-masing.

Tindakan itu boleh diambil berikutan semua doktor terikat dengan kod etika profesional yang dikeluarkan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr Khoo Kah Lin, (**gambar**) berkata jawatankuasa etika persatuan itu ada menyiasat beberapa kes berkenaan dan laporannya akan dihantar ke MMC untuk tindakan.

"Ada doktor 'nakal' yang menyalahgunakan kuasa mereka dan pada masa sama ada juga pesakit yang menipu untuk mendapatkan sijil ini. Trend ini semakin menular, jika tidak ditangani segera, ia akan menjadi lebih buruk," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Seorang doktor yang sudah lebih 20 tahun mengusahakan sebuah klinik swasta di Kuching,

Sarawak, ketika ditemui, mengakui memang ada pesakit yang cuba mendapatkan sijil cuti sakit dalam keadaan dirinya sihat atau ada kalanya mereka berpura-pura sakit.

"Namun ada juga yang datang berterus-terang minta cuti sakit kerana tidak tahan dengan tekanan kerja, tetapi sukar mendapatkan cuti daripada majikan.

"Dalam kes pesakit yang jelas nampak tertekan dan perlukan rehat, kita kena faham keadaan mereka dan saya rasa tidak salah untuk memberikan mereka cuti rehat sehari dua. Ini kerana tekanan boleh menyebabkan keadaan mereka lebih teruk, jika

tidak berehat," katanya yang enggan namanya disiarkan.

Ada juga kes, kata beliau, golongan ibu baik dari sektor awam mahupun swasta, yang terpaksa meminta cuti sakit apabila anak mereka sakit atau demam.

Doktor berkenaan bagaimanapun berkata, beliau selalunya tidak mengeluarkan sijil sakit sewenang-wenangnya, kecuali seseorang itu benar-benar sakit.

